

# Belanjawan 2025 perhebat reformasi ekonomi untuk kesejahteraan rakyat

- Reformasi fiskal memainkan peranan penting dalam Belanjawan 2025, terutama dalam memastikan pengurusan kewangan negara lebih telus dan cekap

- Satu elemen penting Belanjawan 2025 adalah reformasi perkhidmatan awam, bertujuan tingkat kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan



Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad  
bhrencana@bh.com.my

**Belanjawan 2025** dibentangkan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah satu lagi usaha signifikan kerajaan memastikan pertumbuhan ekonomi negara mampan.

Dengan tema 'Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahterakan Rakyat', belanjawan ini mampu memperkukuh ekonomi negara melalui reformasi menyeluruh untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam menghadapi cabaran global kompetitif.

Kerajaan memperkenalkan pelbagai pelan strategik seperti Pelan Industri Perindustrian Baharu (NIMP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga

Negara (NETR) dan Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS) sebagai teras kepada pembangunan industri berteknologi tinggi mampu mencipta peluang pekerjaan berkualiti tinggi.

Pelaburan dalam sektor seperti teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui dan kecerdasan buatan (AI) adalah langkah diambil untuk memastikan ekonomi Malaysia bergerak lebih mampan dan berdaya saing.

Sebahagian daripada reformasi ini termasuk Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (KIPB) akan diperkenalkan pada suku ketiga 2025. Kerangka ini bertujuan menarik pelaburan bernilai tinggi dapat memanfaatkan ekonomi negara secara keseluruhan, terutama melalui peningkatan eksport dan inovasi.

Pelabur akan diberikan insentif cukai bagi aktiviti bernilai tambah tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu (IC), bahan termaju dan perkhidmatan digital. Langkah ini termasuk memperkenalkan dana pelaburan strategik bernilai RM1 bilion sebagai usaha meningkatkan kapasiti bakat tempatan dan menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dilaksanakan.

Kerajaan juga komited memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara termasuk pelaksanaan program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang terus ditambah baik bagi membantu golongan berpendapatan rendah menghadapi kos sara hidup semakin meningkat.

STR disasarkan kepada golongan B40 dan M40 paling terkesan dengan inflasi dan peningkatan kos barangan keperluan. Dalam belanjawan ini, kerajaan memperuntukkan RM13 bilion untuk STR dan SARA, akan memberi manfaat kepada lebih sembilan juta penerima.

Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan inisiatif BUDI MADANI, memberikan bantuan tunai bulanan sebanyak RM200 kepada golongan miskin tegar dengan tujuan mengurangkan kemiskinan secara berkesan.

Reformasi fiskal juga memainkan peranan pen-

ting dalam Belanjawan 2025, terutama dalam memastikan pengurusan kewangan negara lebih telus dan cekap. Dalam aspek ini, kerajaan komited mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat daripada 5.5 peratus pada 2022 kepada 3.8 peratus pada 2025. Pengurangan defisit ini bertujuan mengurangkan beban hutang negara, kini mencecah RM1.5 trilion, bersamaan dengan 80 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Salah satu langkah penting diambil kerajaan dalam usaha mengurangkan defisit ialah rasionalisasi subsidi. Sebelum ini, subsidi pukal seperti subsidi bahan api dan elektrik turut dinikmati golongan kaya dan warga asing.

## Subsidi hanya untuk golongan layak

Dalam Belanjawan 2025, kerajaan memutuskan untuk menyasarkan subsidi hanya kepada golongan layak, seperti dilaksanakan dalam penyasaran subsidi elektrik. Langkah ini akan menjimatkan lebih RM8 bilion setahun, sumber itu boleh digunakan untuk program kesejahteraan rakyat lain seperti STR dan BUDI MADANI.

Reformasi cukai adalah salah satu komponen utama dalam Belanjawan 2025, dengan kerajaan berusaha memperluas asas hasil dan memastikan sistem percukain lebih adil dan progresif. Pada masa ini, kadar kutipan cukai Malaysia masih rendah berbanding negara serantau, iaitu hanya 12.6 peratus KDNK daripada cukai, berbanding 16.1 peratus di Thailand, Filipina (14.1 peratus) dan Singapura (13.7 peratus).

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) juga diperluaskan dengan menyasarkan perkhidmatan komersial dan barangan premium. Barang makanan asas seperti beras dan minyak masak dikecualikan daripada cukai jualan, manakala barangan bukan keperluan seperti ikan salmon dan avokado akan dikenakan cukai jualan.

Pelaksanaan reformasi cukai ini akan membantu kerajaan meningkatkan kutipan hasil lebih mampan tanpa membebankan golongan berpendapatan rendah. Pada 2025, kutipan hasil dijangka meningkat kepada RM340 bilion, berbanding RM322 bilion pada 2024.

Belanjawan 2025 turut memberi penekanan kepada pelaksanaan usahawan dan peningkatan taraf hidup pekerja. Dalam hal ini, kerajaan memperkenalkan beberapa insentif cukai dan bantuan kewangan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Khazanah Nasional akan melancarkan Program Syarikat Mid-Tier dengan dana RM1 bilion bertujuan menyediakan pembiayaan menyokong syarikat tempatan. Selain itu, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan SME Bank juga menawarkan pembiayaan khusus kepada PMKS halal dengan dana tersedia hampir RM600 juta.

Program GEAR-uP diterajui syarikat pelaburan

berkaitan kerajaan (GLIC) pula bertujuan meningkatkan pelaburan dalam PMKS serta mencipta peluang perniagaan baharu. GLIC akan meningkatkan pelaburan langsung dalam negara berjumlah RM120 bilion bagi tempoh lima tahun.

Selain itu, kenaikan gaji minimum dan penerbitan garis panduan gaji untuk semua sektor turut diperkenalkan bagi memastikan pekerja mendapat upah setimpal dengan sumbangan mereka kepada ekonomi. Langkah ini bertujuan mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan taraf hidup pekerja, terutama dalam sektor berpendapatan rendah.

Kerajaan turut komited meningkatkan kemahiran tenaga kerja melalui Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Dalam Belanjawan 2025, kerajaan meningkatkan peruntukan TVET kepada RM7.5 bilion. Peruntukan tambahan diberikan kepada institusi TVET bagi menyediakan latihan lebih relevan dengan keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI), robotik dan teknologi digital.

Kelestarian alam sekitar turut mendapat perhatian dalam Belanjawan 2025. Sebagai sebahagian daripada usaha mencapai matlamat iklim global, kerajaan memperkenalkan cukai karbon ke atas industri menghasilkan pelepasan karbon tinggi seperti besi dan keluli serta sektor tenaga.

Pada masa sama, kerajaan turut memperuntukkan dana tambahan untuk pembangunan teknologi hijau dan peningkatan prasarana tenaga

boleh diperbaharui bagi memastikan Malaysia dapat mencapai status negara neutral karbon menjelang 2050.

Salah satu elemen penting dalam Belanjawan 2025 adalah reformasi perkhidmatan awam, bertujuan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Reformasi ini dilaksanakan melalui Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam, bertujuan mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan proses kelulusan bagi perkhidmatan penting.

Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) diterajui Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar bertanggungjawab menyelesaikan isu berkepentingan rakyat seperti sekolah dan klinik daif, kesesakan di hospital dan kaunter imigresen serta kelancaran urusan perniagaan.

Secara keseluruhan, Belanjawan 2025 adalah satu langkah komprehensif mengutamakan reformasi ekonomi dan kesejahteraan rakyat terbanyak. Usaha kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui program bantuan kewangan, peningkatan pendidikan dan kesihatan awam adalah langkah penting memastikan semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH